

# Industri automotif negara mampu berkembang: PM

BH 3 - DEC 2000

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin industri automotif negara akan terus berkembang dengan penggunaan teknologi terkini yang bertaraf dunia, sekali gus berupaya menarik syarikat gergasi automotif antarabangsa mengadakan usaha sama di sini.

Perdana Menteri juga yakin Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur 2000 atau KLIMS 2000 yang sedang berlangsung di ibu negara, mampu mengerakkan usaha ke arah itu.

Presiden Persatuan Otomotif Malaysia (MAA), Aishah Ahmad, berkata perkara ini dinyatakan oleh Dr Mahathir ketika melakukan lawatan kira-kira dua jam ke ruang pameran KLIMS 2000 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang semalam.

"Perdana Menteri begitu gembara dan kagum melihat pameran itu yang bertaraf antarabangsa selain amat tertarik melihat teknologi terkini yang digunakan dalam industri automotif.

"Sepanjang lawatan itu, Dr Mahathir banyak bertanya mengenai aspek teknologi dalam pembuatan kereta terutama kereta canggih yang dipamerkan," katanya kepada pemberita selepas lawatan oleh Perdana Menteri itu.

Dr Mahathir melawat hampir setiap gerai pameran 75 syarikat

yang menyertai pameran itu dengan diiringi Aishah dan pegawai syarikat penganjur pameran.

Aishah berkata, sebagai seorang penggemar kereta, Dr Mahathir sangat berminat terhadap teknologi dan model baru kereta berkenaan.

"Malah, secara berjenaka, Perdana Menteri berkata beliau mahu membeli kereta BMW model James Bond yang dipamerkan tetapi tidak boleh kerana kereta itu jenis panduan sebelah kiri," katanya.

Pameran itu yang bermula sejak 25 November lalu dan berakhir Isnin ini, akan dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan negara mulai 2002.

Aishah berkata, Dr Mahathir turut meluangkan masa yang agak lama ketika melawat ruang pameran Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) dan tertarik melihat model kereta Lotus.

Laporan sebelum ini menyebutkan Proton akan mengeluarkan kira-kira 180,000 unit setahun enjin terbaru yang dibangunkan bersama Lotus Engineering (Lotus), dari United Kingdom. Enjin yang masing-masing berkuasa 1.3 dan 1.6 liter itu akan mula dikeluarkan di Malaysia pada 1 April 2002.

Proton ketika ini menggunakan enjin keluaran Mitsubishi Motors Corporation (MMC) dan

Citroen Automobil bagi model Tiara.

Aishah berkata, kebanyakan syarikat yang mempamerkan kereta bernilai kira-kira RM300 juta termasuk bahagian automotif, melaporkan beberapa tempahan dibuat oleh pembeli tetapi jumlah sebenar yang berjaya dijual belum diketahui lagi.

"Peserta pameran juga sangat berpuas hati dengan sambutan terhadap pameran itu dan beberapa peserta agak kesal tidak memperindahkan gerai-gerai pameran mereka, kerana tidak yangkakan sambutan yang begitu baik," katanya.

Katanya, sehingga kelmarin, 150,000 orang sudah mengunjungi pameran itu dan 100,000 pengunjung akan berbuat demikian pada hari ini dan esok.

Kira-kira 250 buah kereta, termasuk model terbaru kereta penumpang, berkuasa tinggi, awam dan 4x4, dipamerkan. KLIMS 2000, yang diadakan empat tahun sekali, dianjurkan oleh MAA, dengan kerjasama Perkhidmatan Pameran Trade-Link Sdn Bhd dan Interexpo (M) Sdn Bhd.

KLIMS 2000 adalah siri keempat diadakan selepas tahun 1984, 1990 dan 1994. Ia menarik minat hampir kesemua pemilik cawangan serta pengedar kereta import dan aksesori menyertainya.